

23 NOV 2000

Mahathir-Ajaran

TOLAK AJARAN YANG TAKSUB KEPADA PEMIMPIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Umat Islam perlu menolak sebarang fahaman atau ajaran yang taksub kepada pemimpin kerana ia menjurus kepada ajaran sesat yang akhirnya memecahbelahkan perpaduan ummah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata di kalangan umat Islam sekarang ini terdapat banyak tafsiran yang berbeza-beza mengenai ajaran Islam sehingga umat Islam berperang sesama sendiri.

Keadaan ini diburukkan lagi dengan menularnya pelbagai ajaran sesat yang menitikberatkan kepada ketaksuban terhadap pemimpin dan menganggap orang Islam yang tidak sehaluan dengan mereka sebagai tidak Islam, katanya ketika merasmikan seminar kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat di The Mines, Seri Kembangan dekat sini.

"Apabila kesetiaan kepada guru melebihi kesetiaan kepada agama dan umat Islam mereka sanggup membunuh umat Islam yang lain.

"Islam tidak menyuruh kita mendewa-dewakan pemimpin atau guru sehingga menganggapnya bersifat maksum dan boleh melakukan apa sahaja walaupun ianya bertentangan dengan ajaran Islam," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata kini terdapat ajaran sesat yang disebarkan menerusi internet dan ini merupakan agenda politik golongan tertentu yang tujuan utamanya adalah untuk mengelirukan serta memecah-belahkan umat Islam.

"Perkara ini (penyalahgunaan internet) sukar dibendung kerana ia bukan datang dari negara ini tetapi dari negara lain," katanya.

Beliau berkata ajaran sesat itu pada mulanya merupakan ajaran Islam yang sebenarnya tetapi apabila mereka yang menerima ajaran itu bersikap taksub, guru yang menyebarkan ajaran itu mula menyalahgunakan kedudukannya.

"Apabila sampai ke peringkat ini, pengikut ajaran berkenaan akan melakukan apa sahaja yang diarahkan oleh guru mereka sehingga sanggup menghalalkan pembunuhan sesama Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata sejarah Islam membuktikan bahawa banyak kerajaan Islam yang agung pada satu ketika dahulu seperti kerajaan Sepanyol tumbang dan akhirnya ditawan oleh orang bukan Islam semata-mata kerana timbulnya pelbagai fahaman dan sikap ketaksuban terhadap pemimpin sehingga umat Islam sanggup bermusuhan sesama sendiri.

Beliau berkata jika keadaan ini berlarutan, umat Islam tidak jauh bezanya dengan masyarakat Arab ketika zaman jahiliah di mana sikap ketaksuban kepada pemimpin kabilah sangat tebal sehingga mereka sanggup berbunuh-bunuhan sesama sendiri demi mempertahankan kabilah masing-masing.

Justeru, kejayaan besar Nabi Muhammad menerusi ajaran Islam ialah mengikis sikap ketaksuban kepada kabilah di kalangan umat Arab pada ketika itu dan meletakkan semua umat Islam bersaudara tanpa mengira pangkat atau keturunan.

"Mereka yang taksub kepada guru atau pemimpin itu boleh dikatakan sebagai golongan Asabiah yang sanggup berbuat apa sahaja demi kepentingan guru serta golongan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata satu fahaman sesat yang disuntik ke dalam pemikiran pengikut golongan itu ialah anggapan bahawa kerajaan yang tidak mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya adalah bukan Islam dan kerajaan seperti itu wajib diperangi.

Dr Mahathir berkata kalau begitu tidak ada satupun negara di dunia yang boleh dianggap sebagai negara Islam kerana tiada yang mengamalkan hukum Islam sepenuhnya.

"Tidak mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya tidak bermakna sesebuah kerajaan itu tidak Islam atau menolak Islam.

"Hukum Islam adakalanya tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana keadaan sesebuah negara itu dan ini tidak menjadikan negara Islam itu sebagai kafir," katanya.

Justeru, katanya, umat Islam terutama di Malaysia harus berusaha mengenali ajaran sesat dan mengambil langkah tegas membanterasnya bagi mengelakkan perpecahan.

Dr Mahathir berkata biasanya ciri yang ada pada ajaran sesat ialah apabila ia dipimpin oleh seseorang yang mahu kesetiaan 100 peratus pengikut terhadapnya dan tidak membenarkan pengikutnya mengikuti fahaman yang lain.

Sebanyak 10 kertas kerja mengenai ajaran sesat serta cabaran yang dihadapi umat Islam bagi menangani perkara itu dibentangkan oleh para ulama serta cendekiawan dari dalam dan luar negara dalam seminar dua hari itu.

Ini termasuk kertas kerja oleh Pengerusi Lembaga Pusat Nahdatul Ulama Indonesia, Salahuddin Wahid.

-- BERNAMA

AKT GM AKD